

19/08/1998

Berita MetroVision ke seluruh dunia

Mokhtar Alias

PELANCARAN MetroVisionews On The Net, perkhidmatan siaran berita stesen televisyen MetroVision yang disalurkan menerusi Internet membolehkan semua pengguna di seluruh dunia mendapat gambaran terkini dan tepat mengenai negara ini.

Malah, inilah julung kalinya perkhidmatan berita dalam bahasa Melayu, Metro Jam 8 dipancarkan ke seluruh dunia, selain penyiaran berita Inggeris, Metro Niteline setiap hari jam 11.30 malam.

Perkhidmatan yang diusahakan oleh pengendali stesen MetroVision, City Televisyen dan Perwimas Telecommunications itu bermula jam 8 malam tadi (Selasa).

Pengarah Urusan City Televisyen, Sabri Rahman berkata, MetroVision akan bekerjasama dengan RTM untuk membuat siaran langsung perarakan Hari Kebangsaan ke-41 pada 31 Ogos ini dan laporan harian Sukan Komanwel Kuala Lumpur '98, pada 11 hingga 21 September ini.

Katanya, ketika seluruh dunia, termasuk negara ini dilanda kegawatan dan kesempitan, pelbagai ikhtiar diambil oleh banyak syarikat untuk memastikan survival, namun pihak MetroVision tidak mengabaikan sama sekali tanggungjawabnya terhadap negara.

"Walaupun stesen MetroVision kecil, namun hasrat membantu negara di hati kami amat besar. Kami cuba mempelbagaikan sumber yang kami ada.

"Di sini bermula hari ini, kami ingin menyumbang dengan mempelbagaikan faedah rancangan berita yang stesen kami siarkan," katanya ketika berucap pada majlis pelancaran MetroVisionews On The Net di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur, semalam.

Pelancaran itu dilakukan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Turut hadir Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed Rahmat dan Ketua Pegawai Operasi Perwimas, Patrick SH Lim.

Perkhidmatan itu menyiarkan berita, teks dan paparan video yang boleh diperolehi dalam tempoh tujuh hari daripada tarikh mula disiarkan. Ia boleh diperolehi menerusi <http://Visionews.com>.

Sabri berkata, perkhidmatan itu turut disertai oleh usaha menggalakkan pelaburan asing menerusi penyiaran barangan keluaran tempatan yang dibuat dalam bentuk iklan.

"Pengiklan, khususnya untuk barangan Malaysia dapat mempamerkan barangan mereka dalam bentuk interaktif berasaskan multimedia ke seluruh dunia," katanya.

Beliau berkata, dokumentari mengenai negara ini yang dimulai dengan Hutan disiarkan untuk memberi gambaran sebenar mengenai negara ini sambil menangkis tohmahan negatif yang dilemparkan pihak asing.

Sabri berkata, pihaknya meminta bantuan Kementerian Luar untuk membolehkan perkhidmatan ini diperkenalkan di luar negara, khususnya menerusi Kedutaan Besar, selain Pejabat Perdagangan Luar Malaysia, Jabatan Pelajar di luar negara, Malaysia Airlines dan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia.

"Sasaran keduanya pula ialah kepada penduduk negara lain yang perlu diberi maklumat mengenai Malaysia," katanya.

(END)